IBADAH - ZIKIR SELEPAS SOLAT FARDHU (SELEPAS SALAM)

Berzikir Berdasarkan Zikir Rasulullah (Berdasarkan Hadis-Hadis Yang Tsabit)

Oleh: Brother Nawawi

Sebahagian Firman Allah s.w.t. Berkenaan Zikir:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

Wahai orang-orang Yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah Dengan ingatan serta sebutan Yang sebanyak-banyaknya; (al-Ahzaab (33): 41)

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَاخْتِلافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لأُولِي الأَلْبَابِ ()الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang Yang berakal; (Iaitu) orang-orang Yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini Dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka. (Ali Imran (3): 190-191)

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

"(Iaitu) orang-orang Yang beriman dan tenang tenteram hati mereka Dengan zikrullah". ketahuilah Dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (ar-Ra'd (13): 28)

Sebahagian Hadis Nabi s.a.w. Berkenaan Amalan Zikir:

Maksudnya:

"Bandingan orang yang berzikir mengingati Tuhannya dan orang-orang yang tidak berzikir mengingati Tuhannya seperti orang yang hidup dengan orang yang mati." (Hadis Riwayat al-Bukhari, Hadis No.: 6407)

Maksud Hadis Qudsi:

"Sesiapa yang berzikir mengingati diri-KU dalam dirinya, AKU akan mengingatinya dalam diri-KU. Sesiapa yang berzikir mengingati-KU dalam kelompok ramai manusia, AKU mengingatinya dalam kelompok makhluk yang lebih baik daripada mereka." (Sahih Bukhari, Hadis No.: 7405, Sahih Muslim, Hadis No.: 2675)

Kelebihan Dan Saranan Mencontohi Zikir Rasulullah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan Yang baik, Iaitu bagi orang Yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). (al-Ahzaab (33): 21)

"Sesiapa yang melakukan amalan yang tidak ada asalnya daripada ajaranku maka amalnnya itu tertolak." (Hadis Riwayat Muslim, Hadis No.: 1718)

Ulasan dan terjemahan Hadith 40, oleh Abdul Hayei Abdul Sukor, jilid 1, hal. 48, DBP:

"Antara prinsip yang terpenting dalam agama Islam ini ialah melaksanakan setiap amalan mengikut garis panduan yang ditunjuk oleh Nabi s.a.w. Dalam melaksanakan amal ibadah, sesorang Muslim tidak cukup dengan hanya mengesakan ALLAH dalam amal ibadahnya, malah di samping itu dia hendaklah melakukan ibadahnya mengikut cara dan kaedah yang ditentukan oleh ALLAH dan Rasul-NYA."

ZIKIR-ZIKIR SELEPAS SOLAT:

Hadis Satu:

Tsauban r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. apabila selesai bersolat, baginda beristighfar tiga kali, kemudian menyebut:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ.

(Maksudnya: Ya Allah, Engkaulah yang memiliki Kesejahteraan, dan daripada-Mu asalnya kesejahteraan itu, segala keberkatan adalah milik Engkau Ya Allah, yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan."

al-Walid kemudiannya bertanya kepada al-Auzai, bagaimana cara beristighfar yang dimaksudkan? al-Auzai menjawab:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ.

(dengan mengucapkan): Astaghfirullah (3 kali) - (Maksudnya: aku mohon ampun kepada Allah). (Sahih Muslim, Hadis No.: 591, Hadis Riwayat Ahmad, Hadis No.: 26021)

Hadis Dua:

Abdullah ibnu al-Zubair r.a. berzikir sesudah selesai solat (dan beliau berkata, hal ini dilakukan juga oleh Rasulullah s.a.w.):

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللَّهِ. لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ. لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

(Maksudnya: Tiada Tuhan melainkan Allah yang Tunggal tiada sekutu bagin-NYA, bagi-NYA lah kerajaan dan puji-pujian, dan Dia berkuasa membuat segala sesuatu. Tiada daya mahupun tenaga kecuali dengan Allah. Tiada Tuhan melainkan Allah, dan tiada yang berhak disembah melainkan Allah. tuhan empunya kurnia, empunya keutamaan serta puji yang sebaik-baiknya. Tiada Tuhan melainkan Allah, kami bulatkan pengabdian kepada-NYA semata-mata walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir). (Sahih Muslim, Hadis No.: 594)

Hadis Tiga:

Mughirah bin Syu'bah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. setiap kali selesai solat berzikir:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلاَ مُعْطِيَ
لِمَا مَنَعْتَ وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

(Maksudnya: Tiada Tuhan melainkan Allah yang Tunggal tiada sekutu bagi-NYA, bagi-NYA lah kerajaan dan puji-pujian, dan Dia berkuasa membuat segala sesuatu. Ya Allah, tiadalah yang dapat menahan apa-apa yang Engkau berikan, tiadalah pula yang dapat memberikan apa-apa yang Engkau tahan, dan tiadalah bermanfaat kepada orang yang mempunyai kebesaran-kebsarannya itu). (Sahih Bukhari, Hadis no.: 7292)

Hadis Empat:

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, sesiapa yang membaca zikir berikut sepuluh kali sesudah solat Maghrib dan Subuh:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
بِيَدِهِ الْخَيْرُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

(Maksudnya: Tiada Tuhan melainkan allah yang tunggal tiada sekutu bagi-NYA, bagi-NYA lah kerajaan dan puji-pujian, ditangan-NYA kebaikan, Yang menghidupkan dan mematikan serta Dia berkuasa membuat segala sesuatu).

Maka dicatatlah ganjaran untuk setiap kali bacaan sepuluh pahala, dihapuskan sepuluh buah dosa, dinaikkan darjatnya sepuluh tingkat dan di samping itu menjadi pelindung bagi segala bahaya, dan penolak syaitan terkutuk, dan tak satu dosa pun yang akan dapat mencelakakannya kecuali jika syirik. Maka dia adalah orang yang terbaik amalannya, tidak ada yang melebihinya kecuali orang yang lebih utama iaitu yang mengucapkan yang lebih baik pula." (Hadis Hasan: Musnad ahmad, Hadis No.: 17990, jld. 4, hal. 227)

Hadis Lima:

Muslim bin al-Harits al-Tamimi r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. mengajarnya untuk membaca zikir berikut tujuh kali sesudah solat Subuh, sebelum berbicara dengan sesiapa:

اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنْ النَّارِ.

(Maksudnya: Ya Allah, lindungilah aku dari api neraka), dan tujuh kali sesudh solat maghrib:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنْ النَّارِ.

(Maksudnya: Ya Allah, aku memohon dimasukkan ke syurga, Ya Allah, lindungilah aku dari api neraka.)

Sesiapa yang membaca zikir ini kemudian secara kebetulan meninggal dunia pada hari tersebut, nescaya Allah akan melindunginya daripada api neraka. (Musnad Ahmad, Hadis No.: 18054, jld.4, hal. 234)

Hadis Enam:

Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Barangsiapa membaca ayat al-Kursi (ayat 255, Surah al-Baqarah) setiap kali selesai solat, maka tidak ada yang akan menghalanginya masuk syurga kecuali maut." (Hadis Sahih Riwayat an-Nasai'e, Sunan al-Kubra, Hadis No.: 9928, disahihkan oleh al-Suyuthi di dalam al-Jami' al-Shagheir, Hadis No.: 8926)

اللَّهُ لا إِلَهَ إِلا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ وَلا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki Segala Yang ada di langit dan Yang ada di bumi. tiada sesiapa Yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan Dengan izinNya. Yang mengetahui apa Yang ada di hadapan mereka dan apa Yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa Yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha besar (kekuasaanNya). (al-Baqarah (2): 255)

Hadis Tujuh:

Dari 'Uqbah bin 'Amir, dia berkata: "Saya diperintah oleh Rasulullah s.a.w. agar membaca surah-surah al-Mu'awwidzat* setiap kali selesai solat. (Hadis sahih, Musnad ahmad, Hadis No.: 17417, jld. 4, hal. 155, dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth)

* Surah al-Mu'awwidzat adalah surah al-Ikhlas (112), surah al-Falaq (113), dan surah al-Nas (114).

Zikir-zikir (Selepas Solat) Yang Lain:

Daripada Hadis Riwayat Tirmidzi (Hadis no. 3412), membaca Tasbih (*Subhanallah*) 33 kali, Tahmid (*Alhamdulillah*) 33 kali, & membaca takbir (*Allahu Akbar*) 34 kali.

Daripada Hadis Riwayat Abu Daud (Hadis No.: 1504), membaca Tasbih (*Subhanallah*) 33 kali, Tahmid (*Alhamdulillah*) 33 kali, takbir (*Allahu Akbar*) 33 kali, dan diakhiri dengan zikir ini;

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
بِيَدِهِ الْخَيْرُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Daripada Hadis Riwayat Tirmidzi (Hadis No.: 3413) dan an-Nasai'e (Hadis No.: 1350), membaca Tasbih (*Subhanallah*) 25 kali, Tahmid (*Alhamdulillah*) 25 kali, takbir (*Allahu Akbar*) 25 kali, dan kemudian membaca zikir di atas 25 kali.

Daripada Hadis Riwayat Muslim (Hadis no.: 1376), membaca Tasbih (*Subhanallah*) 11 kali, Tahmid (*Alhamdulillah*) 11 kali, & membaca takbir (*Allahu Akbar*) 11 kali.

Di dalam Hadis riwayat ibn Majah (Hadis No.: 926), membaca Tasbih (*Subhanallah*) 10 kali, Tahmid (*Alhamdulillah*) 10 kali, & membaca takbir (*Allahu Akbar*) 10 kali.

Rasulullah menerangkan bahawa sesiapa yang membaca zikir di atas (membaca Tasbih (*Subhanallah*), Tahmid (*Alhamdulillah*), & membaca takbir (*Allahu Akbar*)), maka diampunilah kesalahan-kesalahan walaupun sebanyak buih di laut. (Sahih Muslim, Hadis No.: 597)

Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a.: beberapa orang miskin (fakir) menemui Nabi Muhammad s.a.w. dan berkata, "Orang kaya akan mencapai darjat tinggi dan kesenangan yang tetap, dan mereka mengerjakan solat seperti kami dan puasa seperti kami pula. Mereka memiliki harta yang lebih sehingga mampu melaksanakan ibadah Haji dan 'Umrah; berperang di jalan Allah dan menderma." Nabi s.a.w. bersabda, "Maukah kukatakan sesuatu kepada kalian yang apabila kalian kerjakan, kalian akan mampu mengejar orang-orang yang mengunggulimu? Tidak ada yang akan melampaui kalian dan darjat kalian akan lebih baik dari orang-orang yang hidup bersama kalian kecuali yang mengerjakan hal yang sama. Ucapkanlah Tasbih (*Subhanallah*), Tahmid (*Alhamdulillah*), & membaca takbir (*Allahu Akbar*), masing-masing 30 kali setiap kali selesai mengerjakan solat.

Perawi hadis ini berkata, "Kami berbeza pendapat mengenai hal ini dan sehagian dari kami berkata bahawa kami harus mengucapkan *Subhanallah* 33 kali, *Alhamdulillah* 33 kali, dan *Allahu Akbar* 34 kali. Aku menemui Rasulullah s.a.w. dan Nabi s.a.w. bersabda, 'Ucapkanlah *Subhanallah* 33 kali, *Alhamdulillah* 33 kali, dan *Allahu Akbar* 33 kali. (Sahih Bukhari, Hadis No.: 479)

أَسْتَغْفِرُ اللهَ (ثلاثا) اَللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ، وَمِنْكَ السَّلاَمُ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ.

“Aku minta ampun kepada Allah,” (dibaca tiga kali). Lantas membaca: “Ya Allah, Engkau pemberi keselamatan, dan dariMu keselamatan, Maha Suci Engkau, wahai Tuhan Yang Pemilik Keagungan dan Kemuliaan.” (HR. Muslim 1/414.)

لاَ إِلَـهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ، اَللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

“Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagiNya. BagiNya puji dan bagi-Nya kerajaan. Dia Maha Kuasa atas se-gala sesuatu. Ya Allah, tidak ada yang mencegah apa yang Engkau berikan dan tidak ada yang memberi apa yang Eng-kau cegah. Tidak berguna kekayaan dan kemuliaan itu bagi pemiliknya (selain iman dan amal shalihnya). Hanya dari-Mu kekayaan dan kemuliaan.” (HR. Al-Bukhari 1/255 dan Muslim 1/414.)

لاَ إِلَـهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ. لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ، لاَ إِلَـهَ إِلاَّ اللهُ، وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ، لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ، لاَ إِلَـهَ إِلاَّ اللهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ.

“Tiada Tuhan (yang berhak disem-bah) kecuali Allah, Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagiNya. BagiNya kerajaan dan pujaan. Dia Mahakuasa atas segala sesuatu. Tidak ada daya dan kekuatan kecuali (dengan pertolongan) Allah. Tia-da Tuhan (yang hak disembah) kecuali Allah. Kami tidak menyembah kecuali kepadaNya. Bagi-Nya nikmat, anugerah dan pujaan yang baik. Tiada Tuhan (yang hak disembah) kecuali Allah, dengan memurnikan ibadah kepadaNya, sekalipun orang-orang kafir sama ben-ci.” (HR. Muslim 1/415.)

سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَاللهُ أَكْبَرُ (33 ×) لاَ إِلَـهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

“Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah. Dan Allah Maha Besar. (Tiga puluh tiga kali). Tidak ada Tuhan (yang hak disembah) kecuali Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagiNya. BagiNya kerajaan. BagiNya pujaan. Dia-lah Yang Mahakuasa atas segala sesuatu.” (“Barangsiapa yang membaca kalimat tersebut setiap selesai shalat, akan diampuni kesalahannya, sekalipun seperti busa laut.” HR. Muslim 1/418.)

Membaca surah Al-Ikhlas, Al-Falaq dan An-Naas setiap selesai shalat (far-dhu). (HR. Abu Dawud 2/86, An-Nasai 3/68. Lihat pula Shahih At-Tirmidzi 2/8. Ketiga surat dinamakan al-mu’awidzat, lihat pula Fathul Baari 9/62)

Membaca ayat Kursi setiap selesai shalat (fardhu). ("Barangsiapa membacanya setiap selesai shalat, tidak yang menghalanginya masuk Surga selain mati." HR. An-Nasai dalam Amalul Yaum wal Lailah No. 100 dan Ibnus Sinni no. 121, dinyatakan shahih oleh Al-Albani dalam Shahih Al-Jami' 5/329 dan Silsilah Hadits Shahih, 2/697 no. 972.)

لاَ إِلَـهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِيْ وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ. (10× بعد صلاة المغرب والصبح)

"Tiada Tuhan (yang berhak disembah) kecuali Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan, bagi-Nya segala puja. Dia-lah yang menghidupkan (orang yang sudah mati atau memberi roh janin yang akan dilahirkan) dan yang mematikan. Dia-lah Yang Mahakuasa atas segala sesuatu." Diba-ca sepuluh kali setiap sesudah shalat Maghrib dan Subuh. (HR. At-Tirmidzi 5/515, Ahmad 4/227. Untuk takhrij hadits tersebut, lihat di Zaadul Ma'aad 1/300.)

اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلاً مُتَقَبَّلاً.

"Ya Allah! Sesungguhnya aku mohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang halal dan amal yang diterima." (Dibaca setelah salam shalat Su-buh). (HR. Ibnu Majah dan ahli hadits yang lain. Lihat kitab Shahih Ibnu Majah 1/152 dan Majma'uz Zawaaid 10/111.)

Penutup:

رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ادْعُوا

Berdoalah kepada Tuhan kamu **dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan**. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang melampaui batas. (al-A'raaf (7): 55)

الْغَافِلِينَ وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالآصَالِ وَلا تَكُنْ مِنَ وَاذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً

Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu Dalam hatimu, **Dengan merendah diri serta Dengan perasaan takut (melanggar perintahNya), dan Dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang** dan janganlah Engkau menjadi dari orang-orang Yang lalai. (al-A'raaf (7): 55)

Adab berzikir:

1. Berzikir dengan suara yang perlahan, cukup sekadar didengari oleh diri sendiri.
2. Berzikir dengan keadaan merendah diri.
3. Berzikir dengan penuh keikhlasan dan kerana Allah semata-mata.
4. Pastikan kalimah zikir yang di-amalkan adalah dari kalimah zikir yang ditunjukkan melalui saranan oleh al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w., iaitu bukan melalui kalimah-kalimah zikir yang direka cipta oleh golongan tertentu.
5. Berzikir dengan kaedah yang ditunjukkan syariat (al-Qur'an dan as-Sunnah) dan tidak mereka-cipta kaedah yang tiada contohnya daripada dua sumber tersebut seperti sesetengah golongan manusia yang berzikir dengan kaedah menari, bermuzik, dan suara yang lantang yang mana tiada contoh dari mana-mana dalil dan nas.

Rujukan:

- Ringkasan Shahih al-Bukhari, susunan Imam az-Zabidi, Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat, Mohd. Yaakub Bin Mohd. Yunus, Perniagaan Jahabersa.
- Quran In Word Ver 1.3 Software.
- The Hadith Software Version 1.0 (Build 1.25), Islamsoft Solution.